

DATE: 20/03/2000

Raja-raja Melayu diminta bertindak satu padukan umat Islam Masa untuk bersuara

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 19 Mac — Telah tibamasanya raja-raja Melayu bersuara serta menggunakan kuasa mereka sebagai ketua agama untuk menyatukan kembali umat Islam yang bertentangan pendapat akibat perbezaan fahaman politik di negara ini.

Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, Tan Sri Abdul Kader Talip berkata, hanya institusi diraja sahaja yang mampu mengembalikan semula syair Islam dan perpaduan ummah di setiap negeri.

Menurut bekas Mufti Wilayah Persekutuan itu, institusi diraja perlu berfungsi sepenuhnya atas nasihat mufti dan jawatankuasa fatwa negeri untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit termasuk pandangan dan fatwa yang bertentangan dengan akidah.

Kuasa

“Jangan membelakangkan kuasa dan fungsi raja. kedudukan raja sebagai ketua agama tidak boleh dipertikaikan, oleh itu institusi diraja perlu menggunakan kuasa yang diperuntukkan untuk menyatukan umat Islam di negara ini,” kata beliau di sini hari ini.

Rabu ini, Majlis Raja-Raja Melayu akan bermesyuarat bagi kali ke-185 di Istana Negara. Antara agendanya ialah berkisar kepada hal ehwal agama Islam peringkat pusat dan negeri.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang percaya raja-raja Melayu boleh memainkan peranan menyatukan masyarakat Islam yang berlainan fahaman politik di negara ini

■ Lihat muka 4

Masa untuk bersuara

melalui majlis-majlis agama yang mereka terajui.

Menurut Perdana Menteri, walaupun raja-raja Melayu tidak terlibat dalam bidang politik mereka mungkin boleh memainkan peranan melalui cara berkenaan.

Abdul Kader berkata, dalam Perlembagaan Malaysia sendiri telah memperuntukkan hak dan kuasa agama Islam di setiap negeri di bawah bidang kuasa raja atau sultan.

Beliau menegaskan, tidak timbul persoalan siapa yang bertanggungjawab ke atas pengurusan agama Islam di negara ini kerana ia adalah hak mutlak raja-raja Melayu.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru jawatankuasa fatwa di peringkat negeri dan Persekutuan supaya proaktif memberikan pendapat apabila timbul isu yang didapati bertentangan dengan ajaran Islam.

Beliau percaya sekiranya perkara itu tidak diambil perhatian dengan sewajarnya masyarakat Islam akan berpecah belah.

Beliau berkata, pandangan itu mungkin ditimbulkan oleh sesetengah golongan yang mempunyai kepentingan di dalam agenda politik mereka.

“Ia mungkin ditimbulkan oleh pihak pembangkang ataupun segelintir golongan dalam kerajaan sendiri,” katanya lagi.

Beliau menyambut baik dengan saranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam supaya institusi agama mesti bertanggungjawab menyelamatkan negara ini daripada kehancuran dengan berani melahirkan pendapat apabila sesuatu pandangan dan ajaran yang dikeluarkan didapati bertentangan dengan ajaran Islam.

Abdullah berkata, institusi agama tidak boleh berdiam diri sebaliknya mesti sanggup melahirkan pandangan

jika fatwa-fatwa yang dikeluarkan bertentangan dengan akidah Islam.

Dalam pada itu Abdul Kader tidak menafikan ada segelintir golongan yang menjadikan agama sebagai alat untuk mencapai cita-cita politik mereka.

“Islam sendiri telah membuat garis panduan yang jelas tentang politik. Tujuan sebenar politik Islam adalah untuk menyatupadukan masyarakat dan bukannya memecahbelahkan masyarakat,” katanya lagi.

Beliau mengakui apabila timbul sesuatu isu yang mempunyai kaitan di antara agama dan politik akan menimbulkan kontroversi.

“Yang pastinya agama lebih kuat daripada politik. Dalam hal ini sesiapa yang terlibat perlu mencari satu jalan penyelesaian yang tepat supaya ia tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam,” katanya lagi.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kedah, Datuk Sheikh Abdul Majid Mohd. Noor turut meminta majlis-majlis agama Islam negeri proaktif sebagai penasihat kepada raja-raja Melayu.

Katanya, sikap berdiam diri para pendakwah dalam organisasi tersebut menyebabkan peranan raja-raja kurang dimanfaatkan untuk menyatupadukan semula orang Melayu di negara ini.

“Sudah tiba masanya majlis-majlis agama Islam negeri memberi penumpuan kepada soal perpaduan bagi mengelakkan masyarakat Islam di negara ini semakin berpecah belah,” katanya ketika dihubungi di Alor Setar semalam.

Oleh itu, kata Sheikh Abdul Majid sudah tiba masanya para pendakwah majlis agama Islam negeri mengadakan lebih banyak muzakarah sesama mereka sebelum menasihati raja-raja dalam perkara tersebut.